

MEDAN BAHASA

Tuan Za'ba Tetap Mempertahankan Bunyi “ع” dan “ء” Dalam Rumi

Walaupun kongres telah mengambil keputusan bahawa bunyi “ع” dan “ء” hendaklah dirangkum keduanya dalam satu huruf sahaja, maka Tuan Za'ba tetap berpegang bahawa keduanya adalah mempunyai dua bunyi yang berlainan dan mestilah ditulis dengan dua huruf yang berlainan pula dalam tulisan rumi. Demikian ditegaskan oleh Tuan Za'ba dalam “seminar” anjuran Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya yang telah diadakan di Dewan Universiti itu pada malam 21 Mac yang lalu.

(oleh: Pemerhati)

Majlis telah dibuka oleh Pengerusi, Saudara Tahir Abdul Rahim dari Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, yang telah menerangkan tujuan seminar pada malam itu ialah kerana hendak meninjau fikiran ahli-ahli dan pencinta bahasa mengenai bunyi “ع” dan “ء” dalam ejaan rumi yang belum selesai diputuskan oleh kongres, dan juga mengenai dasar “fonologi” dan “etimologi”.

Orang yang mula-mula bercakap ialah Saudara Ruzhan Kuntum, wakil Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya. Ia mencadangkan supaya bunyi “ع” dan “ء” yang telah diputuskan oleh kongres disatukan dalam satu huruf sahaja, “Hendaklah keduanya ditulis dengan huruf “k” sebagaimana yang digunakan di Indonesia, kerana kita pun hendak

bersatu dengan di Indonesia dalam soal ejaan” katanya.

Bangkangan Tuan Za'ba

Fikiran itu telah dibangkang keras oleh Tuan Za'ba. Beliau atas namanya sendiri, tidak bersetuju sama sekali jika bunyi “ع” dan “ء” itu disatukan dan ditulis dengan satu huruf sahaja (walau pun kongres telah memutuskan begitu). Beliau berpegang teguh bahawa bunyi “ع” dan “ء” itu tetap mempunyai dua bunyi yang berasingan antara satu dengan lain, dan orang Melayu yang meminjamnya tetap membunyikan keduanya dengan berasingan pula, meskipun tidak dibunyikan seperti lidah Arab. Berdasarkan kenyataan inilah beliau memandang bahawa “ع” dan “ء” itu mestilah diberi dua tanda (huruf) dalam tulisan

rumi, sebagaimana yang lazim digunakan dalam ejaan internasional. Tetapi - kata beliau lagi - oleh kerana dalam percetakan kita sekarang tidak ada tanda-tanda itu, dan di dalam mesin taip juga tidak ada, maka bolehlah dipakai - bagi sementara - tanda “koma”. (Koma tegak bagi bunyi “ء” dan koma terbalik bagi “ع” sebagaimana yang biasa dipakai dalam tulisan tangan dan dalam percetakan. Manakala dalam mesin taip memadai digunakan koma tenggek sahaja kerana ketiadaan tanda-tanda yang tersebut). Tuan Za’ba membangkang keras kalau bunyi “ع” dan “ء” itu digantikan dengan huruf “k”, misalnya “ra’yat” dieja “rakyat”, kerana huruf “k” yang terletak di tengah-tengah perkataan itu tetap berkuasa penuh.

Tuan Za’ba telah memberi nasihat kepada pihak yang tergilagila hendak menurut ejaan Indonesia dengan buta tuli dan dengan tidak menimbangkan kekeliruan yang akan timbul daripada pemakaian yang salah itu, katanya: Biarlah kita tetapkan ejaan kita dahulu, sesudah itu baharulah kita kemukakan modal kita itu kepada Indonesia, dan setelah kita berunding dan berbahas dengan Indonesia, baharulah akan diambil suatu ketetapan bagi ejaan rasmi yang akan digunakan oleh Tanah Melayu dan Indonesia.

Ikut Indonesia

Saudara Ismail Ambia dari “Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung” dan juga anggota sidang pengarang Majalah “Bahasa” yang diterbitkan oleh Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, telah menyokong pihak yang menghendaki bunyi “ع” dan “ء” itu digantikan dengan huruf “k” sahaja kerana itu lebih mudah dan sesuai dengan ejaan Indonesia.

Jangan Kita Memandai

Tatkala menyatakan sokongannya kepada Tuan Za’ba, Saudara Abdullah Basmeh dari “Lembaga Bahasa Melayu” telah menegaskan bahawa soal “ع” dan “ء” serta lain-lain kata-kata yang dipinjam dari bahasa Arab itu sangatlah teguh pertaliannya dengan agama Islam. Biarlah kita bercermat dalam soal ini dan janganlah kita memandai-mandai sebelum meninjau fikiran masyarakat dan ahli-ahli agama kita. Dalam hal ini - katanya - kongres bahasa Indonesia di Medan telah memberi contoh yang baik dengan memutuskan: Hendaklah Kongres Bahasa Indonesia bekerjasama dengan Kementerian Agama mengenai ejaan kata-kata Arab. (Lihat buku “Jambatan Emas” yang telah disusun oleh Cikgu Mahmud bin Ahmad dan diterbitkan oleh “Ikatan Persuratan Melayu Melaka”).

Saudara Basmeh berkata lagi: Menggunakan huruf “k” sebagai pengganti bunyi “ع” dan “ء” sesungguhnya mengelirukan. Bagaimanakah boleh, tiga perkataan yang berasing bunyi dan maknanya, dan mempunyai tiga huruf yang berlainan pula dalam tulisan jawi, seperti: “maklum”, “makmum”, dan “maksud”, hendak dirangkum semuanya dengan huruf “k” sahaja dalam tulisan rumi?

Agama Jangan dibawa-bawa

Saudara Abdul Aziz Yasin dari Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya dan salah seorang Ahli Jawatankuasa Ejaan Rumi yang telah dipilih oleh Kongres, telah tampil menyatakan, bahawa soal agama jangan dicampur-baur dengan soal bahasa. “Agama itu”, katanya “ialah suatu kepercayaan”. Ia juga, atas namanya sendiri, tidak bersetuju Kongres menerima “dasar fonologi” (dasar me-Melayu-kan bunyi

asing), “kerana kita sepatutnya menyasat lebih lanjut”. Dalam pada itu ia suka pula bunyi “ع” dan “ء” itu dirangkum keduanya dalam satu huruf (seperti keputusan Kongres) dan digantikan sahaja dengan huruf “k”. Orang Inggeris - katanya - telah meminjam perkataan *cotton* (kapas) dari bahasa Arab, lalu dibunyikan “*cotton*” dan orang Arab tidak memaksa mereka (Inggeris) membunyikannya “qutun”, maka mengapa kita mempertahankan bunyi Arab? (Saudara Aziz lupa agaknya, bahawa yang menjadi perbincangan ialah bahawa “ع” dan “ء” itu tidak boleh digantikan dengan huruf “k” kerana mengelirukan. Tidak ada siapa-siapa yang menganjurkan supaya kedua-duanya mesti dibunyikan seperti lidah Arab seratus-peratus, tetapi hakikat yang tidak dapat disangkal - seperti yang telah ditegaskan oleh Tuan Za’ba - bahawa orang Melayu tetap membunyikan “ع” dan “ء” itu dengan bunyi yang berasing, dan kerana itulah mesti ditulis dengan berasing pula - P).

Fikiran Tuan Skinner.

Tuan S. Skinner, pensyarah bahasa Melayu di Universiti Malaya dan juga menjadi salah seorang Ahli Jawatankuasa Ejaan Rumi yang telah dipilih oleh Kongres, telah tampil menyokong pihak yang menghendaki bunyi “ع” dan “ء” itu digantikan dengan huruf “k” sahaja, lalu pergi ke papan hitam dan menulis perkataan “رَکَیْ عَر” (rakyat) dengan dua macam ejaan: “ra’yat” dan “rakyat” (yang pertama, pakai koma terbalik, dan yang kedua pakai: k), kemudian beliau mengatakan: Ejaan “rakyat” (yang memakai “k”) itulah yang lebih sesuai kerana bersesuaian dengan keputusan Kongres yang menghendaki: (1) Ejaan hendaklah tetap: satu bunyi satu huruf, (2) Ejaan mestilah mudah, (3) Ejaan seboleh-bolehnya harus sama dengan ejaan

Indonesia. Beliau tidak lupa mengatakan bahawa menukar perkataan “rakyat” dengan tangan, lebih cepat daripada menukar “ra’yat” yang memakai koma dan menjadikan tangan kita mesti diangkat waktu menuliskannya. Demikian juga oleh kerana Indonesia juga memakai ejaan “rakyat” bukan “ra’yat” maka Malaya hendaklah mengikutnya. Beliau berkata lagi, bahawa huruf itu hanyalah simbol (tanda) sahaja, dan tidak menjadi hal, misalnya kalau perkataan “ra’yat” itu berbunyi “rakyat” kerana orang faham akan ertinya.

Bangkangan Tuan Za’ba

Sekali lagi Tuan Za’ba telah bangun membangkang lalu pergi ke papan hitam dan menulis perkataan rakyat dengan memakai “k”, lalu dipangkahnya “k” itu sambil berkata: “Huruf k ini tidak boleh sekali-kali menjadi “ع” dan tidak juga menjadi “ء” kerana dia tetap “k” yang berkuasa penuh, terutama apabila dia terletak di tengah-tengah perkataan seperti perkataan “rakyat” ini”. (Hadirin ketawa).

Menentang Mahaguru

Ketika itu wakil Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (Ruzhan Kuntum) telah bangun menentang pendapat Tuan Za’ba dan menyokong pendapat Tuan Skinner. Dan pendapatnya ini telah disokong oleh rakannya saudara Zainul Abidin Sulong yang telah berterus-terang menentang pendapat Tuan Za’ba dengan mengatakan bahawa Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, tidak keberatan kalau “ع” dan “ء” itu digantikan dengan “k” penuh sekalipun, misalnya “ra’yat” berbunyi “rakyat”. (Yakni dengan kaedah ini tidak menjadi hal kepadanya, kalau “ma’lum”, - sesudah ditulis dengan “k” - dibunyikan “maklum”, “ma’na” dibunyikan “makna”, “i’lan” dibunyikan “iklan” dan seterusnya - P).

Apa Sudah Jadi?

Mendengarkan hujah-hujah mahasiswa yang demikian bunyinya, Cikgu Buyong bin Adil dari “Lembaga Bahasa Melayu” telah bangun lalu bertanya dengan jirannya: “Apa sudah jadi?”

“Tuan Za’ba ialah pendeta bahasa Melayu yang telah dilantik oleh Kongres, beliau juga Pengerusi Kongres dan Ketua Jawatankuasa Ejaan Rumi serta mahaguru di universiti ini. Tetapi mahasiswanya saya lihat tegak-tegak menentang pendapat Tuan Za’ba dan tidak pula mahu mendengar nasihatnya dalam soal yang kita perbincangkan ini.” Kata Cikgu Buyong lalu menyambung:

“Kebanyakan kita, nampaknya hanya pandai menyambut perkataan “fonologi” dan “etimologi” tetapi tidak pandai meninjau kemahuan masyarakat kita. Masyarakat Melayu mana, yang mahu menurut aliran seperti ini?”

Cikgu Buyong telah menyokong pendapat Tuan Za’ba sambil bertanya: Apa salahnya dan apa ruginya jika kita menuliskan bunyi “ع” dan “ء” dalam rumi dengan tanda koma, dan mengapa kita mesti memakai huruf “k” yang sudah tentu mengelirukan. Mengapa kita mesti menjadi pengekor kepada Indonesia pada hal Indonesia sendiri bukan semuanya sekata memakai huruf “k” itu sebagai pengganti bunyi “ع” dan “ء”?

Mahasiswa Bebas Berfikir

Ungku Aziz Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, atas namanya sendiri, telah bangun membela kebebasan mahasiswa dengan berkata: Janganlah hendaknya menjadi

salah faham. Dalam sebuah universiti, tidak semestinya mahasiswa itu mengikut fikiran mahagurunya. Mereka bebas mengeluarkan fikiran dan boleh bertentangan dengan fikiran mahagurunya. Inilah namanya universiti.

Fikiran UMNO

Saudara Jailani imam dari “Badan Pelajaran UMNO Singapura” telah bangun menyokong Tuan Za’ba sambil menegaskan bahawa orang Melayu tetap membunyikan “ع” dan “ء” dengan bunyinya masing-masing yang tersendiri, meskipun tidak seperti bunyi lidah Arab, dan kerana itulah patut pula ditulis dengan berasing. Beliau tidak setuju digantikan dengan huruf “k” “tetapi itu terserah kepada ahli-ahli bahasa memilih tanda yang sesuai” - katanya.

Fikiran Asas 50.

Wakil Asas 50 (Saudara Asraf) yang telah terlambat datang, telah sempat memberi fikiran dengan menyokong pendapat Tuan Skinnerr dan tidak bersetuju dengan pendapat Tuan Za’ba. Ia sangat terharu melihat Tuan Za’ba tetap teguh perdiriannya mempertahankan bunyi “ع” dan “ء” itu.

Setakat ini tamatlah soal “ع” dan “ء” lalu majlis berehat sebentar kerana menikmati sajian kopi dan kek mahasiswa. Kemudiannya seminar dilanjutkan lagi untuk memperbincangkan soal “dasar fonologi dan etimologi” mengenai perkataan Sanskrit “kerana” atau “Karana”.

Mahasiswa Mengubah Haluan.

Dalam soal perkataan Sanskrit ini Saudara Ruzhan Kuntum telah bangun mengatakan Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya pada kali ini

berkecuali daripada menurut dasar fonologi. Ia lebih suka menurut etimologi. Dan kerana itu ia bersetuju “Kerana” itu diubah ejaannya menjadi “karana” Seperti ejaan Sanskritnya dan juga seperti yang dipakai sekarang di Indonesia. Ia telah disokong oleh rakannya (Zainal Abidin Sulong) yang telah mengatakan “kerana” dan “karana” itu keduanya betul menurut etimologi Sanskritnya, tetapi pihaknya memilih ejaan “karana” kerana bersamaan dengan ejaan Indonesia.

Nafsulogi

Peluang itu tidak dilepaskan oleh Saudara Basmeh yang telah bangun memulangkan paku buah keras kepada pihak yang berperai-peri mempertahankan dasar fonologi tadi, dengan berkata:

Nampaknya saudara berdua dari Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya pandai berkecuali pula sekarang. Tadi tentang kata-kata Arab, saudara-saudara itu, berperai-peri mempertahankan dasar fonologi, sekarang bila tiba kepada bahasa Sanskrit mahu pakai pula dasar etimologi (dasar memelihara keasliannya), mereka tidak terkilan, padahal dengan dasar fonologi itu akan terkorban beratus-ratus perkataan Arab yang telah dipinjam dan ditulis dengan betul oleh orang Melayu semenjak beratus-ratus tahun yang lalu. Sikap mahasiswa kita ini mengingatkan saya kepada sikap Dr Priyono dalam Kongres Bahasa Melayu di Singapura dahulu yang telah menarik perhatian Kongres dengan katanya: “dalam Kitab Hikayat Hang Tuah (jawi), nama “Ratna Palinggam” “Raqla Plainggam” pada hal Raqla itu salah, yang betul ialah “Ratna”. Apakah ahli-ahli bahasa, mahu dibiarkan kesalahan itu?” kata Dr

Priyono. Padahal beliau tidak terkilan melihat dasar fonologi itu digunakan berleluasa di Indonesia sehingga beratus-ratus perkataan Arab yang sangat berharga telah dimasukkan bahkan nama Allah ‘Azza wa Jalla telah diperkosa. Malangnya penyakit itu telah melarat kepada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga, lihat “Risalah Dewan Bahasa” berkenaan ejaan rumi ciptaan Kongres, di situ akan didapati-contoh-contoh berlambak-lambak misalnya: “ghaib” “dieja” “gaib”, “lughoh” dieja “lugah”, dan “Abd al-Ghani” dieja “Abdul Gani”. Aliran ini, sesungguhnya bukanlah aliran yang berdasarkan ilmu, tetapi berdasarkan “nafsulogi”!

Wakil Asas 50

Wakil Asas 50 telah bangun menyatakan bahawa perkataan “kerana” seperti yang dipakai di Tanah Melayu dan “karana” yang dipakai di Indonesia salah kedua-duanya menurut etimologi Sanskrit tetapi walau bagaimanapun ia suka menurut ejaan Indonesia.

Sekali Lagi Cikgu Buyong

Cikgu Buyong telah bangun menarik perhatian majlis tentang pendapat wakil Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya yang mengatakan “kerana” dan “karana” kedua-duanya betul dan pendapat wakil Asas 50 yang mengatakan kedua-duanya salah, “sepanjang yang saya baca sebelum perang, ahli-ahli Bahasa Indonesia semuanya menulis “kerana”. Baharulah sekarang mereka telah menghubungkannya: “karana” - kata Cikgu Buyong lagi.

Setelah Tuan Skinner bangun dan mengunjurkan supaya pihak Malaya memakai ejaan “karana” seperti Indonesia, Cikgu Buyong telah bangun sekali lagi menyatakan pihak Indonesia (yang didewa-dewakan oleh

sambungan pada muka 42